

# Didik masyarakat peka, siap sedia hadapi bencana

Oleh Prof Dr Haliza Abdul Rahman  
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Institut  
Pengajian Sains  
Sosial, Universiti  
Putra Malaysia  
(UPM)

**Peningkatan** pelbagai bencana alam di negara ini menjadi perhatian utama masyarakat sejak beberapa dekad kebelakangan ini. Sesuatu bencana berubah menjadi malapetaka apabila kesannya mengakibatkan kemusnahan besar atau kehilangan nyawa manusia.

Di Malaysia, risiko dan terdedah manusia kepada bahaya pelbagai bencana alam meningkat dengan ketara sejak beberapa dekad lalu.

Walaupun bencana utama adalah banjir dan tanah runtuh, ribut kencang serta gempa bumi lemah turut direkodkan. Sabah antara negeri kerap dilanda pelbagai bencana, antaranya Ribut Tropika Greg pada 26 Disember 1996 yang mengorbankan 238 nyawa dan kejadian gempa bumi di Ranau berukuran 6.0 skala richter pada 5 Jun 2015 mengorbankan 18 orang.

Pengaruh perubahan iklim turut berpotensi dan berisiko meningkatkan pelbagai bentuk bencana, justeru kesiapsiagaan amat penting dalam meminimumkan impak sesuatu bencana demi kesejahteraan masyarakat dan negara.

Hal ini kerana dalam sesuatu bencana, hampir seluruh masyarakat menjadi mangsa, sistem sokongan dalam masyarakat terjejas dan mekanisme penyesuaiannya juga musnah, selain membabitkan kehilangan nyawa.

## Tindakan urus bencana tak tersusun

Natijahnya, bencana dan tindakan menguruskan bencana tidak tersusun mengakibatkan ramai mangsa terpaksa menunggu bantuan untuk diselamatkan dalam tempoh lama sedangkan tindakan pantas agensi berkaitan dapat menyelamatkan ribuan mangsa terkandas.

Kejadian banjir di Taman Sri Muda, Shah Alam pada Disember 2021 sehingga Januari 2022 mengorbankan 12 nyawa wajar dijadikan pengajaran.

Baru-baru ini, Jabatan Meteorologi (MetMalaysia) meramalkan negara bakal mengalami hujan lebat berterusan mulai pertengahan November ini, yang dikatakan membawa kepada banjir besar sehingga akhir tahun ini.

Trauma terhadap bencana banjir akibat hujan lebat dipengaruhi perubahan monsun boleh dikatakan masih berbekas di hati rakyat, terutama mangsa banjir besar akhir tahun lalu.

Justeru, Pelan Pengurusan Bencana merangkumi perancangan menghadapi bencana perlu efektif dan

berkesan. Tindakan ini meliputi tiga fasa iaitu kaedah mencegah krisis, tindakan terhadap krisis dan pemulihan daripada krisis bertujuan mengurangkan kerosakan ke atas harta benda dan nyawa.

Perolehan maklumat pada peringkat awal dan komunikasi berkesan memainkan peranan penting dalam komponen sistem pengurusan bencana.

Maklumat awal dan tepat adalah penting dalam membuat persediaan menghadapi bencana dan masyarakat harus dididik untuk bertindak secara berkesan terhadapnya.

Maka kesedaran bahaya, persediaan menghadapi dan amaran berkaitan bencana perlu disampaikan dengan kerap dan berterusan bagi mewujudkan respon yang berkesan.

Tahap kesediaan diri yang baik dari segi mental dan fizikal pula dapat mengurangkan risiko yang dihadapi kerana masyarakat telah bersiapsiaga daripada segi perancangan melalui pelbagai tindakan penyesuaian, sekali gus berupaya mengurangkan risiko yang bakal dihadapi.

Penyeragaman tindakan pengurusan bencana kalangan agensi berkaitan di pelbagai peringkat merangkumi agensi pada peringkat Persekutuan, negeri dan daerah juga turut perlu diberi penekanan dalam memastikan morbiditi dan mortaliti berkaitan bencana alam dapat diminimumkan.